

14 NOV 1997

POS MALAYSIA IKRAR SOKONG PM (Bergambar)

KUALA LUMPUR, 14 Nov (Bernama) -- Pos Malaysia hari ini menyatakan sokongan tidak berbelah bahagi terhadap Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan kerajaan dengan mengadakan satu perhimpunan yang dihadiri kira-kira 500 kakitangannya di ibu pejabatnya di Bangunan Dayabumi di sini.

Pengerusi Eksekutif Pos Malaysia Tan Sri Zainol Mahmood semasa berucap berkata perhimpunan itu bertujuan menyatakan sokongan dan ikrar taat setia warga Pos Malaysia terhadap kepimpinan Dr Mahathir.

"Sebagai rakyat Malaysia yang bertanggungjawab, Pos Malaysia ingin mempertahankan nama baik Malaysia dan pemimpin kita. Kita tidak rela Malaysia diperbudak-budakkan dan dipandang rendah," katanya.

Pada perhimpunan itu Zainol turut memberikan sumbangan poskad kepada lima pengetua dan pengerusi Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) untuk diedarkan kepada pelajar-pelajar sekolah.

Poskad yang dinamakan "Poskad Negara Tercinta" dan dilengkapi dengan setem diberikan secara percuma kepada kakitangan Pos Malaysia dan pelajar sekolah untuk menyampaikan sokongan kepada Perdana Menteri.

Pada peringkat awal sebanyak 10,000 poskad akan diedarkan ke 20 buah sekolah di sekitar Lembah Klang -- BERNAMA

HS NMO